

SOALAN NO: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK ROZMAN BIN ISLI

TARIKH: 1 OGOS 2017

SOALAN:

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah permintaan majikan di negara ini terhadap pembantu rumah warga asing khususnya daripada Kemboja serta apakah tindakan yang akan dikenakan kepada agensi pekerjaan sekiranya didapati mengambil kesempatan dengan menaikkan kos pengambilan pekerja bagi tujuan eksploitasi.

PR-1352-L02698

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) Aktif yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Mei 2017, terdapat seramai 129,854 pekhidmat domestik asing bekerja di negara ini dan daripada jumlah tersebut seramai 1,973 pekhidmat domestik asing atau 1.52% adalah daripada negara Kemboja.
2. Namun begitu, angka tersebut tidak boleh dijadikan kayu pengukur bagi menggambarkan situasi sebenar tahap permintaan majikan kepada keperluan pekhidmat domestik asing khususnya Kemboja. Ini memandangkan, Kerajaan Kemboja telah mengenakan moratorium ke atas penghantaran pekhidmat domestik Kemboja ke Malaysia sejak 15 Oktober 2011 berikutan kes-kes penderaan dan layanan buruk majikan.
3. Bagi membolehkan Kerajaan Kemboja menarik balik moratorium tersebut, Kerajaan Malaysia telah menambah baik perlindungan kepada pekhidmat domestik Kemboja melalui Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kemboja mengenai pengambilan dan penggajian pekhidmat domestik Kemboja yang telah dimeterai pada 10 Disember 2015 di Kuala Lumpur.

4. Susulan daripada itu, Kerajaan Kemboja telah bersetuju menarik balik moratorium tersebut mulai 1 Januari 2017. Oleh yang demikian, permintaan majikan ke atas khidmat pekhidmat domestik Kemboja dijangka meningkat dan Kemboja akan menjadi antara pilihan baharu kepada majikan untuk menggajikan pekhidmat domestik asing selain daripada Indonesia dan Filipina.

5. Selain itu, mengenai kebimbangan akan kenaikan kos oleh agensi pekerjaan swasta, kedua-dua Kerajaan sedang meneliti satu mekanisme yang bersesuaian untuk memastikan kos-kos yang dikenakan oleh agensi pekerjaan swasta di Malaysia dan Kemboja tidak membebankan majikan mahupun pekhidmat domestik Kemboja. Mekanisme tersebut juga akan mengambil kira kesukaran dalam menetapkan satu angka yang muktamad berikutan kadar pertukaran mata wang asing yang sentiasa mengalami perubahan dari semasa ke semasa.

6. Dalam pada itu, mengenai tindakan Kerajaan ke atas agensi pekerjaan swasta di Malaysia yang menaikkan kos penggajian dengan sewenang-wenangnya, Kementerian Sumber Manusia akan mengambil tindakan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, manakala Kementerian Buruh dan Latihan Vokasional, Kemboja pula akan mengambil tindakan ke atas agensi pekerjaan swasta di Kemboja. Selain itu, mana-mana agensi pekerjaan swasta di Malaysia yang didapati menjalankan aktiviti-aktiviti mengeksploitasi seperti pemerdagangan orang dan mengamalkan elemen buruh

paksa terhadap pekhidmat domestik Kemboja, maka tindakan akan diambil di bawah Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 61**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) tidak mengambil tindakan keras terhadap Malaysia Airlines yang telah secara mendadak mengurangkan kekalaaan perkhidmatan penerbangan jet antara KLIA dan Pulau Pinang serta menutup MAS Golden Lounge di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tanpa sebab meskipun bilangan penumpang dan "*load-factor*" telah bertambah.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kekerapan penerbangan dengan mengambil kira faktor-faktor keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), pada masa kini syarikat-syarikat penerbangan Malaysia iaitu Malaysia Airlines Berhad (MAB), AirAsia, Malindo Air dan Firefly ada menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan-laluan domestik ke Pulau Pinang dengan kekerapan sebanyak 352 kali seminggu. Dalam hubungan ini, MAB menyediakan perkhidmatan penerbangan menggunakan pesawat B737-800 dengan kekerapan sebanyak 52 kali seminggu bagi laluan Kuala Lumpur-Pulau Pinang vv. Mengikut rekod MAVCOM, MAB tidak mengurangkan jumlah kekerapan penerbangan yang disediakan bagi laluan ke Pulau Pinang berbanding musim penerbangan yang lalu. Sehubungan itu, MAVCOM tidak mengambil sebarang tindakan terhadap MAB.

Untuk makluman Yang Berhormat, *Golden Lounge* MAB di Pulau Pinang kini sedang menjalani proses menaiktaraf bagi membolehkan syarikat tersebut memberikan perkhidmatan yang lebih selesa kepada penumpangnya. *Golden Lounge* MAB dijangka akan dibuka semula pada awal tahun 2018. Dalam hubungan ini, sebagai langkah alternatif MAB menyediakan kemudahan *lounge* di Plaza Premium untuk para penumpangnya.